

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)

TARIKH : 28.05.2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap aduan bernombor JBA 35/2015 yang dibuat pada 20 April 2015.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat masih lagi dalam tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, memiliki harta mewah bukanlah merupakan satu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 kecuali

pemilikan harta-harta ini adalah hasil dari kesalahan rasuah oleh seseorang (yang juga dirujuk sebagai “predicate offence”).

SPRM tidak boleh menyiasat seseorang yang dikatakan mempunyai harta mewah yang berlebihan tanpa mempunyai asas siasatan di bawah Akta SPRM 2009.

Setakat ini, SPRM tidak menemukan sebarang ‘predicate offence’ yang dapat memenuhi kehendak di bawah Seksyen 36, Akta SPRM 2009. Oleh itu mana-mana pihak atau individu yang mempunyai sebarang maklumat serta bukti kukuh berkaitan isu ini, bolehlah melaporkan kepada SPRM untuk tindakan lanjut.

Sekian, terima kasih.